

Kelemahan urus bencana sukar dielak

Mangsa perlu tahu urus diri sendiri, keluarga sementara tunggu bantuan

B.H 29/12/06 M/s 14



Meniti Arus

Bersama

Abdul Rahman Sulaiman

E-mel: rahmansulaiman@yahoo.com

BANJIR yang melanda Johor, Pahang dan Melaka sepanjang minggu lalu sudah mulai surut dan sebahagian penduduk yang terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan sudah pulang ke rumah masing-masing untuk meneruskan kehidupan.

Sambil berkemas dan menilai kerosakan serta kerugian dialami, mereka masih belum boleh bersenang lenang kerana malapetaka yang tidak diduga itu mungkin akan datang lagi dalam tempoh terdekat.

Penduduk di kawasan rendah di tempat lain juga perlu terus berwaspada kerana kemungkinan banjir melanda kawasan mereka sebelum akhir musim tengkujuh ini tidak boleh diketepikan. Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi, hujan sekejap-sekejap di Johor dan Pahang Tenggara serta hujan sederhana lebat di Kelantan, Terengganu dan beberapa kawasan lain di Pahang sekarang diramalkan berterusan sehingga Ahad ini.

INTI PATI

- Perubahan cuaca dunia akibat fenomena yang lebih popular dikenali sebagai pemanasan global antara lain menyebabkan hujan lebat luar biasa
- Bagi orang Islam, mereka wajib mengambil iktibar daripada al-Quran yang menjelaskan bahawa setiap kerosakan di muka bumi ini adalah disebabkan oleh tangan manusia sendiri.
- Kelemahan manusia ketika menghadapi malapetaka berlaku di mana-mana tidak kira di negara maju atau membangun kerana tidak semua yang dirancang dapat dilaksanakan.
- Sebarang kelemahan yang terdapat harus dijadikan pengajaran untuk cuba diatasi pada masa akan datang.
- Manusia yang mengambil kesempatan daripada penderitaan orang lain terutama ketika menghadapi bencana perbuatan paling hina.

yalan saintis.

Kini, semua perlu akur bahawa ancaman fenomena berkenaan adalah sesuatu yang benar dan sudah hampir dengan kehidupan manusia. Bagi orang Islam, mereka wajib mengambil iktibar daripada beberapa potong ayat al-Quran yang menjelaskan bahawa setiap kerosakan di muka bumi ini adalah disebabkan oleh tangan manusia sendiri.

Oleh itu, ketika seluruh simpati rakyat dicurahkan kepada ribuan mangsa banjir yang kehilangan harta benda, sanak saudara dan punca pendapatan akibat banjir baru-baru ini, adalah tidak adil dan tidak tepat bagi sesiapa saja menuding jari mencari kelemahan mana-mana pihak dalam menangani bencana yang baru berlaku itu.

Seperti yang semua sedia maklum skala banjir yang berlaku kali ini, terutama di Johor, adalah di luar jangkaan walaupun pihak berkuasa sudah mengetahui lebih awal bahawa hujan lebat akan berlaku di negeri berkenaan.

Jabatan Kaji Cuaca sudah mengesan fenomena itu sejak 13 Disember berikutan terdapatnya angin kencang yang membawa awan mengandungi hujan bertiup dari arah Sarawak ke Singapura dan Johor.

Berikutan itu, amaran banjir dikeluarkan dan persediaan menghadapinya di-

wilayah Utara Sumatera itu dua tahun lalu, penulis juga mendengar keluhan yang serupa – bantuan lambat diterima atau bantuan hilang di tengah jalan dan tidak sampai kepada sasaran.

Jelaslah bahawa kesilapan yang berpunca daripada kelemahan manusia itu terdapat di mana-mana, tidak kira sama ada di negara maju atau membangun. Mungkin apa yang harus dijadikan keutamaan oleh mana-mana mangsa sebarang malapetaka pada masa depan ialah berusaha menyelamatkan diri sendiri sebaik mungkin di samping mengharap bantuan pihak lain.

Apapun, sebarang kelemahan harus dijadikan pengajaran untuk cuba diatasi pada masa akan datang. Yang penting ialah tiada mangsa yang meninggal dunia akibat kebuluran atau kerana penyakit akibat kelalaian pihak berkuasa.

Walaupun begitu, simpati penulis tetap pada sanak saudara lapan mangsa yang meninggal dunia akibat lemas. Seperti biasa, sebarang malapetaka banyak memberikan pengajaran dan iktibar terutama mengenai gelagat dan tingkah laku manusia. Lazimnya, kepayahan dan kesusahan yang dibawa oleh malapetaka memperlihatkan gelagat manusia yang paling ekstrim – tingkah laku yang paling murni atau paling buruk dan jijik.

Di Melaka dan Negeri Sembilan pula, hujan sederhana lebat juga diramalkan sehingga hari ini sementara di Sarawak, hujan lebat diramalkan di Kuching, Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei dan Mukah sehingga Isnin depan.

Berdasarkan kepada fenomena ini ancaman banjir di kawasan terbabit masih belum berlalu lagi. Malah keadaan masa depan yang digambarkan oleh Pengarah Eksekutif Pusat Alam Sekitar, Teknologi dan Pembangunan Malaysia (Cetdem), Gurmit Singh, baru-baru ini adalah lebih menggerunkan lagi.

Beliau dipetik oleh sebuah akhbar tempatan sebagai berkata bahawa banjir besar yang berlaku di Johor kali ini adalah terburuk dalam tempoh 100 tahun mungkin berulang pada masa depan dalam skala lebih dahsyat berikutan peningkatan suhu dunia.

Perubahan cuaca dunia akibat fenomena yang lebih popular dikenali sebagai pemanasan global antara lain menyebabkan hujan lebat luar biasa di beberapa negeri sehingga menyebabkan banjir teruk.

Beliau berkata, banjir besar di selatan tanah air yang jarang berlaku sebelum ini, terutama pada Disember boleh dikaitkan dengan kesan pemanasan global berikutan perubahan cuaca yang me-

landa negara.

Gurmit berkata, negara sekarang hanya menerima kesan pemanasan global peringkat awal. Bencana alam yang kerap berlaku seperti kehadiran beberapa jenis taufan dalam beberapa tahun kebelakangan ini sangat membimbangkan.

“Kita boleh menjangkakan bencana lebih teruk bakal dihadapi rakyat di negara ini. Mungkin banjir lebih teruk atau musim kemarau berpanjangan,” jelas beliau. Walaupun ini hanya ramalan, tidak siapa yang harus memandangi sepi mengenai kemungkinan bencana lebih buruk yang bakal menimpa muka bumi ini termasuk penghuninya, akibat kerosakan yang dilakukan oleh manusia sendiri.

Selama ini walaupun fenomena pemanasan global ini sudah banyak ditulis atau dibincangkan, tidak ramai yang menganggapnya sebagai serius. Apabila dikatakan satu hari nanti ketulan air batu yang kini menutupi Kutub Utara akan cair dan air laut akan bertambah tinggi sehingga permukaan bumi yang rendah tenggelam dan sesetengah negara akan menjadi pulau atau lebih banyak padang pasir akan muncul akibat cuaca terik yang berpanjangan, mungkin ramai yang menganggap itu hanya sebagai kha-

gerakkan. Namun seperti yang dijelaskan tadi, ia adalah malapetaka dan manusia hanya mampu membuat persediaan menghadapinya tetapi tidak mungkin dapat menepis malapetaka itu apabila ia sudah menjengah.

Segala perancangan yang dibuat di atas kertas ada kalanya tidak dapat diterjemahkan apabila berlaku keadaan sebenar kerana seluruh jentera untuk menggerakkan pelan itu terdiri daripada manusia atau peralatan yang bergantung kepada kudrat manusia untuk memanfaatkannya.

Manusia sudah pasti mempunyai kelemahan. Barangkali kelemahan manusia inilah yang menjadi punca tidak puas hati sesetengah pihak termasuk beberapa mangsa yang kononnya tidak mendapat amaran awal mengenai bencana berkenaan atau terlewat mendapat bantuan.

Tahun lalu, apabila taufan Katrina melanda pantai Barat Amerika Syarikat, beribu-ribu penduduk New Orleans terperangkap dalam banjir besar. Ada yang mati kerana terperangkap dalam bangunan runtuh dan kebuluran. Kelewatan bantuan tiba juga disebabkan kelemahan manusia.

Ketika bersama-sama pekerja Malaysia di Aceh beberapa hari selepas tsunami di

Dari satu segi, kemurnian budi manusia dapat dilihat daripada kegigihan ribuan pekerja penyelamat, sukarelawan, pegawai kerajaan dan anggota pasukan tentera dan polis serta orang perseorangan yang bertungkus membantu mangsa tanpa mengira penat lelah atau keselamatan diri.

Sebaliknya terdapat pula segelintir manusia yang tanpa belas kasihan dan bertimbang rasa, sanggup mengambil kesempatan daripada kesusahan orang lain dengan mencuri daripada rumah atau premis yang ditinggalkan.

Ada juga laporan mengenai pemilik sampan dan bot persendirian yang meminta wang daripada mangsa banjir sebelum bersetuju memindahkan mereka. Golongan ini adalah golongan manusia yang paling hina dan perlu dikutuk sekeras-kerasnya.

Apapun komitmen kerajaan untuk membuat post-mortem dan memperbaiki lagi konsep pengurusan bencana adalah sesuatu yang dialu-alukan. Seharusnya bencana yang menimpa perlu memberi pengajaran kepada semua.

Penulis adalah bekas Ketua Pengarang Bernama dan pernah menjadi Ahli Parlimen dan kini Penasihat Direktorat Pelaksanaan Negara.